

Headline	FRIM anjur forum		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	18	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	181 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,610
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,830



# FRIM anjur forum

**I**nstitut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menganjurkan Forum Perkhidmatan Pensijilan Produk FRIM (FRIM PCS) di ibu pejabat agensi tersebut di Kepong bermula esok.

Program tersebut yang bertemakan Pensijilan Produk Menjamin Kualiti antara lain bertujuan memaklumkan kepada industri mengenai status dan hala tuju FRIM sebagai badan pensijilan produk (FRIM-PCS) dan memberi taklimat mengenai prosedur pensijilan dan keperluan teknikal yang perlu dipatuhi pemohon.

Menurut kenyataan FRIM, program tersebut juga bertujuan menyerahkan sijil akreditasi secara rasmi daripada Jabatan Standard Malaysia kepada FRIM PCS selain penyerahan sijil perakuan produk berakreditasi yang mempunyai logo jabatan kepada syarikat yang berjaya diberi sijil dalam projek perintis PCS.

“Program sehari ini menyasarkan kehadiran dalam kalangan pengusaha perabot bumiputera, mereka yang berkepentingan dalam industri tersebut dan agensi berkaitan,” kata kenyataan tersebut.

Tiga kertas kerja akan dibentangkan oleh pakar dan berkait rapat dengan forum tersebut.

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Datuk Fadilah Baharin akan membentangkan kertas kerja bertajuk *Kepentingan Pensijilan Produk dalam Memantapkan Ekonomi Negara* manakala Pengurus Pensijilan FRIM PCS, FRIM PCS Salamah Selamat membentangkan kertas kerja bertajuk *Status dan Hala tuju dalam Memperkasakan Industri Perabot*.

Satu lagi pembentangan disampaikan oleh Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad bertajuk *Program Pembangunan Bumiputera Dalam Industri Perabot*.

Satu forum panel perbincangan bertajuk *Konsistensi Pengeluaran Perabot Berkualiti Melalui Pensijilan Produk* juga akan diadakan.

Program tersebut dijangka dirasmikan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Zoal Azha Yusof.

**VALUATOR**

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MOnly (_MOnly)	1	0	RM 0

**GIST(ENGLISH)**

N/A